

Pas diajak berdebat di TV

BM 26 AUG 1984

BM 26 AUG 1984

Oleh HAFIFI HAFIDZ

SUBANG JAYA, Sabtu — Umno bersedia mengadakan perdebatan terbuka di televisyen dengan Pas mengenai **isu-isu** yang membabitkan **Islam** yang selama ini heboh **dilaung-layngkan oleh parti pembangkang** itu.

"Umno sedia melantik seorang wakilnya ke majlis itu dan segala perbincangan disiarkan menerusi televisyen ke seluruh negara jika mereka mahu," kata **Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini.

Presiden Umno itu berkata demikian sebagai mengulas laporan majalah **Asiaweek** keluaran terbaru yang menyebut Naib Presiden Pas, **Haji Hadi Awang**, sebagai berkata Umno enggan mengadakan dialog terbuka **bagi membincangkan isu-isu seperti itu**.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Kopcrasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad di sini.

Serentak dengan itu, **Perdana Menteri** berkata beliau juga sanggup menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Pas tetapi bukan ealah faham mengenai Islam yang didukung oleh parti itu.

Bukan soal Islam

Haji Hadi dalam laporan itu berkata, Umno begitu sombong dan degil untuk mengadakan satu dialog terbuka membabitkan isu-isu Islam.

Perdana Menteri sendiri bersetuju berbincang dengan **Haji Hadi** jika dia mahu berbincang mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi dunia, hubungan antarabangsa dan perkara-perkara yang beliau mempunyai pengetahuan mengcnainya.

"**Saya** sedia mencrima beliau untuk mengadakan perbincangan seperti itu tetapi bukan soal-soal Islam," jelasnya.

Ditanya mengapa beliau enggan ber-

buat demikian. **Datuk Seri Dr Mahathir** berkata: "Mengapa saya mesti berdebat dengannya mengenai Islam sedangkan saya tidak curiga terhadap pegangan agama saya. Jika dia ingin bertukar-tukar pandangan mengenai bidang perubatan, saya boleh duduk dengannya berbincang."

Ditanya sama ada perbincangan seperti itu mungkin mengubah pendirian **Haji Hadi**, **Datuk Seri Dr Mahathir** berkata kemungkinan ini berlaku agak tipis kerana beliau (**Haji Hadi**) sentiasa meneken dan memperkatakan sesuatu yang salah walaupun kesalahan itu sangat ketara.

Tetapi **Haji Hadi** sentiasa berpandangan pat bidang-bidang yang beliau bincangkan adalah perkara-perkara yang beliau lebih faham daripada saya... kita juga aaa orang yang boleh berdebat dengannya," katanya.

Oleh itu jelas **Perdana Menteri**, orang-orang yang memahami isu-isu ini secara mendalam adalah yang paling layak berbincang dengannya.

Ditanya mengenai tuduhan Pas bahawa Umno adalah sebuah parti politik memperjuangkan semangat kebangsaan, **Perdana Menteri** berkata, Pas juga adalah sebuah parti yang mendukung semangat itu.

Membuat tuduhan

"**Ita** bukan sebuah parti politik Islam seperti yang didakwa kerana ia memperjuangkan hak satu kaum saja.

"Jika ia sebuah parti Islam, ia sepatutnya turut berjuang di negara-negara yang masyarakat Islamnya ditindas seperti Lebanon, Palestin, selatan Rusia dan beberapa buah negara lagi," katanya.

Mengenai dakwaan Umno tidak berbuat apa-apa untuk Islam, **Perdana Menteri** mencabar Pas menunjukkan apakah yang tidak dibuat oleh Umno.

"**Kita** bukan saja menubuhkan Universiti Antarabangsa Islam, Bank Islam, Insurans Islam, malahan menepakan nilai-nilai Islam ke dalam masyarakat. Pas sentiasa menafikan apa saja yang kita lakukan dan terus membuat tuduhan," tegasnya.

Mengenai desakan supaya kerajaan mengharamkan penggunaan isu-isu bersablt dengan Islam oleh parti politik, katanya perkara itu akan dikaji sedalam-dalamnya